

Bil. S 16

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH BANK (PINDAAN), 2002

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pindaan bab 2 dari Penggal 95.
3. Pemasukan bab-bab 13A, 13B, 13C, 13D dan 13E baru.
4. Penggantian bab 14.
5. Pemasukan bab-bab 14A hingga 14N baru.
6. Pindaan bab 15.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH BANK (PINDAAN), 2002

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Bank (Pindaan), 2002.

Pindaan bab 2 dari Penggal 95.

2. Bab 2 dari Akta Bank, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta tersebut, adalah dipinda, dalam cerai (1), dengan memasukkan takrifan yang berikut mengikut susunan abjad yang betul —

" "deposit" bermakna suatu jumlah wang atau apa-apa logam berharga, apa-apa batu berharga atau apa-apa barang yang mengandungi, sebahagiannya atau seluruhnya, apa-apa logam berharga atau apa-apa batu berharga, dan apa-apa barang atau benda lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, yang diterima, dibayar atau diserahkan atas terma-terma —

(a) yang di bawahnya ia akan dibayar balik atau dikembalikan, dengan atau tanpa faedah atau atas suatu premium atau diskaun; atau

(b) yang di bawahnya ia boleh dibayar balik atau boleh dikembalikan, sama ada seluruhnya atau sebahagiannya, dengan sebarang balasan berupa wang atau yang boleh dinilai dengan wang,

dan pembayaran balik atau pengembalian tersebut adalah sama ada apabila dituntut atau pada suatu masa atau mengikut hal keadaan yang dipersetujui oleh atau bagi pihak orang yang membuat pembayaran atau penyerahan itu dan orang yang menerimanya, tidak kira sama ada transaksi itu diperihalkan sebagai suatu pinjaman, pendahuluan, pelaburan, simpanan, jualan atau jualan dan belian semula, tetapi tidak termasuk wang yang dibayar dengan *niat suci* —

- (i) dengan cara suatu pendahuluan atau pembayaran sebahagian atau penyerahan di bawah suatu kontrak bagi penjualan, penyewaan atau penyediaan lain harta atau perkhidmatan, dan hanya boleh dibayar balik atau boleh dikembalikan sekiranya harta atau perkhidmatan itu sebenarnya tidak dijual, disewakan ataupun selainnya disediakan;

- (ii) dengan cara jaminan bagi pelaksanaan suatu kontrak atau dengan cara jaminan berkaitan dengan sebarang kerugian yang mungkin timbul dari suatu kontrak yang tidak dilaksanakan;
- (iii) tanpa menjejaskan perenggan kecil (ii), dengan cara jaminan bagi penyerahan atau pengembalian sebarang harta, sama ada dalam keadaan baik yang tertentu ataupun selainnya; atau
- (iv) dalam hal keadaan lain atau kepada atau oleh orang lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, oleh Menteri dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*;"

" "dokumen" termasuk —

(a) sebarang huruf, angka, cap, simbol, isyarat, teraan, tulisan, tanda, karikatur, gambar, lukisan atau gambaran lain dalam apa-apa bentuk; dan

(b) sebarang rakaman visual (sama ada berbentuk gambar pegun atau bergerak), sebarang rakaman bunyi, atau sebarang rakaman elektronik, magnet, mekanik atau rakaman lain, apa pun dan tidak kira bagaimana jua pun dibuat,

pada sebarang bahan, alat, benda atau barang;"

" "iklan" bermakna penyebaran atau penyampaian maklumat, pelawaan atau ajakan dengan apa-apa cara atau dalam sebarang bentuk, termasuk dengan cara —

(a) menyiarkan dalam suatu suratkhbar, majalah, jurnal atau majalah berkala lain;

(b) mempamerkan suatu poster atau notis;

(c) suatu pekeliling, surat sebaran, brosur, risalah, buku atau dokumen lain;

(d) suatu surat yang ditujukan kepada seseorang individu atau suatu badan;

(e) suatu fotograf atau filem sinematograf; dan

(f) penyiaran bunyi, televisyen, Internet atau media elektronik lain;"

" "pegawai penyiasat" bermakna seseorang yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 14;".

Pemasukan bab-bab 13A, 13B, 13C, 13D dan 13E baru.

3. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan 5 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 13 —

"Mendapatkan, mengambil atau menerima deposit yang dilarang, kecuali di bawah dan menurut suatu lesen yang diberikan di bawah bab 4(1).

13A. (1) Tertakluk kepada bab 13D, tiada sesiapa pun boleh mendapatkan, mengambil atau menerima deposit kecuali di bawah dan menurut suatu lesen yang diberikan di bawah ceraian (1) bab 4 untuk menjalankan perniagaan bank.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 10 tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$100,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

Kunjungan tanpa tujuan mengajak.

13B. (1) Tertakluk kepada bab 13D, tiada sesiapa pun boleh, tanpa persetujuan bertulis daripada Menteri, membuat kunjungan tanpa tujuan mengajak —

(a) untuk mengajak atau mendapatkan pembuatan sebarang deposit; atau

(b) untuk mengikat atau menawarkan untuk mengikat, sebarang perjanjian dengan tujuan untuk menerima sebarang deposit,

daripada mana-mana orang di Negara Brunei Darussalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.

(2) Persetujuan Menteri di bawah ceraian (1) boleh diberikan kepada orang atau golongan, kategori atau perihalan orang, dan dibuat tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat, termasuk suatu syarat yang menghendaki pendedahan maklumat kepada orang-orang yang ke atasnya kunjungan tanpa tujuan mengajak itu dibuat, sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam persetujuan tersebut.

(3) Dalam bab ini —

"kunjungan tanpa tujuan mengajak" termasuk suatu lawatan peribadi atau perhubungan lisan yang dibuat tanpa pelawaan nyata;

"Menteri" termasuk Timbalan Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Iklan bagi deposit.

13C. (1) Tertakluk kepada bab 13D dan cerai (2), tiada sesiapa pun selain dari suatu bank berlesen boleh menerbitkan, menyiarkan ataupun selainnya memudahkan mana-mana orang untuk menerbitkan atau menyiarkan suatu iklan yang mengandungi —

(a) sebarang pelawaan untuk membuat suatu deposit atau mengikat atau menawarkan untuk mengikat sebarang perjanjian untuk membuat suatu deposit; atau

(b) sebarang maklumat yang bermaksud atau mungkin dengan munasabah dianggap bermaksud membawa secara langsung atau tidak langsung kepada pembuatan suatu deposit.

(2) Cerai (1) tidak dikenakan kepada penyiaran oleh mana-mana orang akan sebarang iklan tersebut untuk atau bagi pihak suatu bank berlesen.

(3) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bab-bab 13A, 13B dan 13C tidak dikenakan.

13D. Bab-bab 13A, 13B dan 13C tidak dikenakan kepada —

(a) Kerajaan;

(b) mana-mana orang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan pemberi pinjaman wang di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang (Penggal 62);

(c) mana-mana orang yang dilesenkan untuk menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai (Penggai 63);

(d) mana-mana koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi (Penggai 84);

(e) mana-mana syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan (Penggai 89);

(f) Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Penggai 163);

(g) mana-mana bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam (Penggai 168);

(h) mana-mana orang yang menjalankan perniagaan insurans dengan kebenaran Menteri;

(i) suatu badan berkanun yang dibenarkan di bawah sebarang undang-undang bertulis untuk menerima, mendapatkan atau mengambil deposit; dan

(j) mana-mana orang yang ada hubungan atau kaitannya dengan mana-mana orang yang disebut dalam perenggan-perenggan (a) hingga (i).

Dorongan penipuan berkenaan dengan deposit.

13E. Mana-mana orang yang —

(a) membuat, menyiarkan atau memudahkan pembuatan atau penyiaran, sebarang pernyataan, janji atau ramalan yang diketahuinya mengelirukan, palsu atau memperdayakan;

(b) dengan tidak jujur menyembunyikan sebarang fakta mustahak; atau

(c) dengan melulu membuat atau menyiarkan (dengan tidak jujur ataupun selainnya), atau dengan melulu memudahkan pembuatan atau penyiaran (dengan tidak jujur ataupun selainnya), suatu pernyataan, janji atau ramalan yang mengelirukan, palsu atau memperdayakan,

apabila dia membuat, menyiarkan atau memudahkan pembuatan atau penyiaran pernyataan, janji atau ramalan itu atau menyembunyikan fakta

mustahak tersebut, bagi maksud mendorong, atau yang melulu hinggakan sama ada ia boleh mendorong, orang lain (sama ada atau tidak dialah orang yang kepadanya pernyataan, janji atau ramalan itu dibuat atau yang daripadanya fakta mustahak itu disembunyikan) —

- (i) untuk membuat atau tidak membuat suatu deposit; atau
- (ii) untuk mengikat atau tidak mengikat suatu perjanjian bagi maksud membuat suatu deposit, dengannya atau mana-mana orang lain,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 10 tahun atau kedua-duanya sekali.”.

Penggantian bab 14.

4. Akta tersebut adalah dipinda dengan memansuhkan bab 14 dan menggantikannya dengan bab baru yang berikut —

“Pegawai penyiasat.

14. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik beberapa orang pegawai penyiasat sebagaimana yang mungkin dianggap perlu olehnya bagi maksud-maksud Akta ini.

(2) Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa olehnya untuk bertindak bagi pihaknya hendaklah mempunyai segala kuasa dan kewajipan seorang pegawai penyiasat bagi maksud-maksud Akta ini.

(3) Seseorang pegawai penyiasat yang menjalankan sebarang pemeriksaan ke atas mana-mana orang di bawah Akta ini hendaklah mempunyai kuasa untuk mentadbirkan sumpah kepada orang yang diperiksa itu.

(4) Seseorang pegawai penyiasat hendaklah dianggap sebagai kakitangan awam bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggagal 22).”.

Pemasukan bab-bab 14A hingga 14N baru.

5. Akta tersebut adalah dipinda dengan memasukkan 14 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 14 —

"Kuasa untuk memasuki, menggeledah dan merampas.

14A. (1) Jika seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis berpuas hati atau mempunyai sebarang sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana orang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh tanpa waran, jika pada pendapatnya adalah perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat kesalahan tersebut —

(a) memasuki mana-mana bangunan dan di dalamnya menggeledah, merampas dan menahan sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain;

(b) memeriksa, membuat salinan atau mengambil cabutan dari, sebarang buku atau dokumen lain yang dirampas dan ditahan itu;

(c) mengambil milik dan memindahkan dari bangunan itu, sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain yang dirampas atau ditahan itu;

(d) memeriksa mana-mana orang yang berada di dalam atau di bangunan itu dan bagi maksud pemeriksaan tersebut, menahan orang itu dan memindahkannya ke suatu tempat sebagaimana yang mungkin perlu untuk memudahkan pemeriksaan tersebut, dan merampas dan menahan sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain yang dijumpai pada orang itu;

(e) memecah buka, memeriksa dan menggeledah, apa-apa barang, kontena atau bekas; dan

(f) menghentikan, menahan atau menggeledah mana-mana kenderaan.

(2) Seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis boleh jika perlu untuk berbuat demikian —

(a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam bangunan itu dan memasukinya;

(b) dengan kekerasan memasuki bangunan itu dan tiap-tiap bahagiannya;

(c) memindahkan dengan menggunakan kekerasan sebarang halangan untuk memasuki, menggeledah, merampas, menahan atau memindahkan yang dia diberi kuasa untuk melaksanakannya; dan

(d) menahan semua atau mana-mana orang yang dijumpai di mana-mana bangunan atau di dalam mana-mana kenderaan yang

digeledah di bawah ceraian (1) sehingga pengeledahan itu telah selesai.

(3) Satu senarai semua benda yang dirampas semasa melakukan pengeledahan yang dibuat di bawah bab ini dan bangunan atau kenderaan di mana mereka dijumpai hendaklah disediakan oleh pegawai penyiasat atau pegawai polis yang menjalankan pengeledahan itu, dan hendaklah ditandatangani olehnya.

(4) Penghuni bangunan yang dimasuki di bawah ceraian (1) atau seseorang bagi pihaknya hendaklah pada setiap ketika dibenarkan untuk hadir semasa pengeledahan itu dijalankan dan satu salinan senarai yang disediakan dan ditandatangani di bawah ceraian (3) hendaklah diserahkan kepada penghuni atau orang itu apabila diminta olehnya.

(5) Seorang perempuan tidaklah boleh diperiksa di bawah bab ini kecuali oleh seorang perempuan lain.

Pemeriksaan orang.

14B. (1) Seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis boleh memeriksa mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai ada pada orang itu sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain apa pun, jika pada pendapatnya perlu bagi maksud menyiasat mengenai sebarang kesalahan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis yang membuat pemeriksaan ke atas mana-mana orang di bawah ceraian (1) boleh merampas, menahan atau mengambil milik sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain yang dijumpai pada orang itu bagi maksud menjalankan penyiasatan tersebut.

(3) Seorang perempuan tidaklah boleh diperiksa di bawah bab ini kecuali oleh seorang perempuan lain.

Kuasa untuk memeriksa orang.

14C. (1) Jika seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis mengesyaki mana-mana orang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh, jika pada pendapatnya perlu untuk berbuat demikian bagi maksud menyiasat mengenai kesalahan itu —

(a) memerintahkan mana-mana orang secara lisan atau bertulis untuk hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan oleh pegawai penyiasat atau pegawai polis itu berkenaan dengan sebarang perkara yang boleh, pada pendapat pegawai penyiasat atau pegawai polis itu, membantu dalam penyiasatan mengenai kesalahan itu;

(b) memerintahkan mana-mana orang secara lisan atau bertulis untuk mengemukakan di hadapan pegawai penyiasat atau pegawai polis itu sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain yang boleh, pada pendapat pegawai penyiasat atau pegawai polis itu, membantu dalam penyiasatan mengenai kesalahan itu; atau

(c) dengan notis bertulis, menghendaki mana-mana orang supaya memberikan suatu pernyataan secara bertulis yang dibuat dengan mengangkat sumpah yang menyatakan semua maklumat yang mungkin dikehendaki di bawah notis itu, iaitu maklumat yang boleh, pada pendapat pegawai penyiasat atau pegawai polis itu, membantu dalam penyiasatan mengenai kesalahan itu.

(2) Seseorang yang telah diberikan suatu perintah di bawah perenggan (a) atau (b) cerai (1) atau suatu notis bertulis di bawah perenggan (c) cerai (1), hendaklah mematuhi terma-terma perintah atau notis bertulis itu, dan khususnya —

(a) seseorang yang telah diberikan suatu perintah di bawah perenggan (a) cerai (1) hendaklah hadir menurut terma-terma perintah itu untuk diperiksa, dan hendaklah terus hadir dari hari ke sehari sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai penyiasat atau pegawai polis itu sehingga pemeriksaan itu selesai, dan hendaklah semasa pemeriksaan tersebut dijalankan mendedahkan segala maklumat yang ada dalam pengetahuannya atau yang tersedia untuknya atau yang boleh didapatkan olehnya, berkaitan dengan perkara yang berhubung dengannya dia diperiksa, sama ada atau tidak sebarang soalan diajukan kepadanya berkenaan dengannya, dan jika sebarang soalan diajukan kepadanya dia hendaklah menjawab soalan itu dengan sebenarnya dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya, dan tidaklah boleh enggan menjawab sebarang soalan atas alasan bahawa soalan itu mungkin menunjukkan dia atau suami atau isterinya adalah bersalah;

(b) seseorang yang telah diberikan suatu perintah di bawah perenggan (b) cerai (1) tidaklah boleh menyembunyikan, menyorokkan, memusnahkan, mengubah, memindahkan dari atau menghantar ke luar Negara Brunei Darussalam, atau mengurus-niagakan atau melupuskan, sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda yang dinyatakan dalam perintah itu, atau mengubah atau mencatatkan apa-apa catatan dalam sebarang buku atau dokumen lain itu, atau menyebabkannya untuk dilakukan, atau membantu atau berkomplot untuk melakukannya; dan

(c) seseorang yang telah diberikan suatu notis bertulis di bawah perenggan (c) cerai (1) hendaklah, dalam pernyataannya yang dibuat dengan mengangkat sumpah, memberikan dan mendedahkan dengan sebenarnya segala maklumat yang dikehendaki di bawah notis itu yang

ada dalam pengetahuannya atau yang tersedia untuknya atau yang boleh didapatkan olehnya, dan tidaklah boleh gagal memberikan atau mendedahkan maklumat itu atas alasan bahawa maklumat itu mungkin menunjukkan dia atau suami atau isterinya adalah bersalah.

(3) Seseorang yang diberikan suatu perintah atau notis bertulis di bawah cerai (1) hendaklah mematuhi perintah atau notis bertulis itu dan peruntukan-peruntukan cerai (2) berhubung dengannya, dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain, sama ada digubal atau diperbuat sebelum atau selepas permulaan kuatkuasa Perintah Bank (Pindaan), 2002, atau apa-apa sumpah, akujanji atau kehendak menyimpan rahsia (termasuk rahsia bank) yang berlawanan, atau apa-apa obligasi di bawah sebarang kontrak, perjanjian atau penyusunan, sama ada nyata atau tersirat, yang berlawanan.

(4) Jika mana-mana orang mendedahkan sebarang maklumat atau mengemukakan sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain menurut cerai (1) atau (2), orang itu atau mana-mana orang lain yang bagi pihaknya atau atas arahnya atau sebagai ejen atau pekerjaanya, orang yang mula-mula disebutkan itu mungkin bertindak tidaklah boleh, oleh kerana pendedahan atau pengungkapan tersebut, dikenakan apa-apa pendakwaan atas sebarang kesalahan di bawah atau menurut sebarang undang-undang, atau apa-apa prosiding atau tuntutan dalam sebarang bentuk atau sebarang perihalan oleh mana-mana orang di bawah atau menurut sebarang perjanjian, penyusunan atau selainnya dengan cara apa pun.

(5) Seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis boleh merampas, mengambil milik dan menahan dalam jangkamasa yang difikirkannya perlu, sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain yang dikemukakan di hadapannya semasa menjalankan suatu penyiasatan di bawah cerai (1), atau memeriksa orang yang diperiksa olehnya di bawah perenggan (a) cerai (1) atau yang mengemukakan apa-apa jua kepadanya di bawah perenggan (b) cerai (1), bagi memastikan sama ada apa-apa jua yang berkaitan dengan penyiasatan itu disembunyikan ataupun selainnya, ada pada orang itu.

(6) Suatu pemeriksaan di bawah perenggan (a) cerai (1) hendaklah ditulis oleh pegawai penyiasat atau pegawai polis itu dan hendaklah dibacakan kepada dan ditandatangani oleh orang yang diperiksa, dan jika orang itu enggan menandatangani rekod itu, pegawai penyiasat atau pegawai polis itu hendaklah mencatatkan pada rekod itu yang ditandatangani hal keengganan orang itu dan sebab-sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(7) Rekod suatu pemeriksaan di bawah perenggan (a) cerai (1), suatu pernyataan bertulis dengan mengangkat sumpah yang dibuat menurut perenggan (c) cerai (1), sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain yang dikemukakan di bawah perenggan (b) cerai (1), ataupun

selainnya semasa menjalankan suatu pemeriksaan di bawah perenggan (a) ceraian (1) atau di bawah suatu pernyataan bertulis dengan mengangkat sumpah yang dibuat menurut perenggan (c) ceraian (1) boleh, dengan tidak menghiraukan sebarang undang-undang bertulis atau hukum undang-undang yang berlawanan, diterima sebagai keterangan dalam sebarang prosiding di mana-mana mahkamah —

(a) kerana atau berkenaan dengan, suatu kesalahan di bawah Akta ini;

(b) kerana atau berkenaan dengan, sebarang perkara lain di bawah Akta ini; atau

(c) kerana atau berkenaan dengan, sebarang kesalahan di bawah sebarang undang-undang bertulis lain,

tidak kira sama ada prosiding itu adalah terhadap orang yang diperiksa atau yang mengemukakan harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain atau yang membuat pernyataan bertulis dengan mengangkat sumpah, atau terhadap mana-mana orang lain.

Kehendak untuk menyediakan terjemahan.

14D. (1) Jika seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis menjumpai, merampas, menahan atau mengambil milik, sebarang buku atau dokumen lain pada menjalankan sebarang kuasa di bawah Akta ini, dan buku atau dokumen lain itu atau mana-mana bahagiannya adalah dalam suatu bahasa selain dari bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, atau dalam sebarang lambang atau kod, pegawai penyiasat atau pegawai polis itu boleh secara lisan atau bertulis menghendaki supaya orang yang ada memiliki, menyimpan atau mengawal buku atau dokumen lain itu, memberikan kepada pegawai penyiasat atau pegawai polis itu suatu terjemahan ke dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris akan buku atau dokumen lain itu dalam suatu tempoh yang, pada pendapat pegawai penyiasat atau pegawai polis itu, munasabah memandangkan panjangnya buku atau dokumen lain itu atau hal keadaan lain yang berhubung dengannya.

(2) Mana-mana orang yang dengan mengetahui memberikan suatu terjemahan di bawah ceraian (1) yang tidak tepat, betul dan benar atau yang dengan mengetahui membuat suatu terjemahan di bawah ceraian itu yang tidak tepat, betul dan benar adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$1,000,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$1,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

Kuasa untuk menangkap.

14E. Seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang telah melakukan atau yang disyakinnya dengan munasabah telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Kuasa untuk menyiasat.

14F. Dalam sebarang kes berhubung dengan kesalahan yang disebutkan dalam bab 14E, seseorang pegawai penyiasat hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Peraturan Jenayah (Penggagal 7).

Sekatan ke atas pelupusan harta dll.

14G. (1) Pendakwa Raya boleh, dengan notis bertulis kepada seseorang yang tertakluk kepada penyiasatan berkaitan dengan suatu kesalahan yang dikatakan atau disyaki telah dilakukan di bawah Akta ini atau yang terhadapnya suatu pendakwaan kerana kesalahan itu telah dimulakan, mengarahkan supaya orang itu tidak melupuskan ataupun selainnya mengurusniagakan sebarang harta yang dinyatakan dalam notis itu tanpa persetujuan Pendakwa Raya.

(2) Jika sebarang harta yang dinyatakan dalam suatu notis di bawah ceraian (1) termasuk sebarang hutang atau obligasi yang kena dibayar oleh suatu bank berlesen atau mana-mana orang lain kepada orang yang diberikan notis itu, Pendakwa Raya boleh menyampaikan kepada bank atau orang lain itu satu salinan notis itu, yang mempunyai kuatkuasa untuk mengarahkan supaya bank atau orang lain itu tidak membayar sebarang wang kepada orang yang dinyatakan dalam notis itu tanpa persetujuan Pendakwa Raya.

(3) Suatu notis di bawah ceraian (1) —

(a) boleh disampaikan dengan menyerahkannya sendiri kepada orang yang ditujukan notis itu atau boleh, jika Mahkamah Majistret berpuas hati bahawa orang itu tidak dapat dijumpai atau tidak berada di Negara Brunei Darussalam, disampaikan mengikut cara lain sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh mahkamah atas permohonan *ex parte* oleh atau bagi pihak Pendakwa Raya;

(b) hendaklah berkuatkuasa mulai dari masa penyampaian dan hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh selama 12 bulan atau sehingga dibatalkan oleh Pendakwa Raya, mengikut mana yang lebih awal.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam cerai (3) boleh menghalang Pendakwa Raya dari memberikan notis selanjutnya berkaitan dengan harta yang sama.

(5) Pendakwa Raya boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut kepada persetujuan untuk pelupusan atau urusan lain ke atas sebarang harta yang dinyatakan dalam suatu notis di bawah cerai (1).

(6) Seseorang yang melupuskan ataupun selainnya mengurusniagakan sebarang harta yang dinyatakan dalam suatu notis di bawah cerai (1) atau mana-mana bank berlesen atau orang lain yang membayar sebarang wang kepada seseorang yang dinyatakan dalam notis yang disampaikan kepada bank atau orang lain itu di bawah cerai (2) selain dari menurut persetujuan Pendakwa Raya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$50,000 atau nilai harta yang dilupuskan ataupun selainnya diurusniagakan, mengikut mana yang lebih besar, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Penyerahan dokumen perjalanan.

14H. (1) Seseorang majistret boleh, atas permohonan seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa, dengan notis bertulis menghendaki mana-mana orang yang tertakluk kepada penyiasatan berkaitan dengan suatu kesalahan yang dikatakan atau disyaki telah dilakukan olehnya di bawah Akta ini supaya menyerahkan kepada Pesuruhjaya Polis sebarang dokumen perjalanan yang ada dalam miliknya.

(2) Suatu notis di bawah cerai (1) hendaklah disampaikan dengan menyerahkannya sendiri kepada orang yang ditujukan notis itu.

(3) Seseorang yang disampaikan dengan suatu notis di bawah cerai (1) hendaklah mematuhi notis tersebut dengan serta-merta.

(4) Jika seseorang telah disampaikan dengan suatu notis di bawah cerai (1) gagal mematuhi notis tersebut dengan serta-merta, dia boleh ditangkap terus dan dibawa di hadapan seorang majistret.

(5) Jika seseorang dibawa di hadapan seorang majistret di bawah cerai (4), majistret tersebut hendaklah, melainkan jika orang itu selepas itu mematuhi notis di bawah cerai (1) atau memuaskannya hati majistret tersebut bahawa dia tidak memiliki suatu dokumen perjalanan, dengan waran memenjarakannya untuk ditahan dengan selamat —

(a) sehingga tamat tempoh 28 hari dari tarikh dia dipenjarakan; atau

(b) sehingga orang itu mematuhi notis di bawah ceraian (1) dan seorang majistret, dengan perintah bagi maksud itu, memerintahkan dan mengarahkan Pengarah Penjara untuk melepaskan orang itu dari penjara (perintah tersebut adalah waran yang mencukupi bagi Pengarah Penjara untuk berbuat demikian),

mengikut mana yang berlaku dahulu.

(6) Suatu dokumen perjalanan yang diserahkan kepada Pesuruhjaya Polis di bawah bab ini boleh ditahan selama 6 bulan dari tarikh dokumen tersebut diserahkan dan boleh ditahan bagi tempoh 3 bulan lagi jika seorang majistret, atas permohonan seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa, berpuas hati bahawa penyiasatan itu tidak mungkin dapat diselesaikan dengan munasabah sebelum tarikh permohonan tersebut dan membenarkan penahanan selanjutnya.

(7) Semua prosiding di hadapan seorang majistret di bawah bab ini hendaklah dijalankan dalam kamar.

(8) Dalam bab ini, "dokumen perjalanan" bermakna suatu passport atau dokumen lain yang membuktikan pengenalan atau kerakyatan pemegangnya.

Halangan terhadap perjalanan kuasa-kuasa oleh pegawai penyiasat atau pegawai polis.

14I. (1) Tiada sesiapa pun boleh —

(a) enggan membenarkan mana-mana pegawai penyiasat atau mana-mana pegawai polis yang menjalankan kuasanya di bawah bab-bab 14A atau 14B untuk memasuki mana-mana bangunan atau kenderaan atau bahagiannya, atau enggan membenarkan dirinya untuk diperiksa;

(b) menyerang, menghalang, mengadang atau melengahkan pegawai penyiasat atau pegawai polis itu masuk sedangkan dia berhak masuk;

(c) gagal mematuhi sebarang permintaan yang sah daripada mana-mana pegawai penyiasat atau pegawai polis dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya di bawah bab 14A, 14B atau 14C;

(d) enggan memberikan kepada seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis sebarang maklumat yang mungkin dikehendaki dengan munasabah daripadanya dan yang dia ada kuasa untuk memberikannya;

(e) gagal mengemukakan kepada atau menyembunyikan atau cuba menyembunyikan daripada, seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis, sebarang harta, buku atau dokumen, barang atau benda lain yang berhubung dengannya pegawai penyiasat atau pegawai polis itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu kesalahan telah atau sedang dilakukan di bawah Akta ini;

(f) mendapatkan kembali atau berusaha untuk mendapatkan kembali sebarang buku atau dokumen, barang atau benda lain yang telah dirampas dengan sewajarnya;

(g) memberikan kepada seseorang pegawai penyiasat atau pegawai polis, dengan mengatakan sebagai benar maklumat yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayainya adalah palsu; atau

(h) sebelum atau selepas sebarang fampasan, memecahkan ataupun selainnya memusnahkan sebarang buku atau dokumen, barang atau benda lain untuk mengelakkannya dari dirampas atau dididatkannya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraiian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$5,000,000 dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan yang tidak melebihi dari \$5,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

Percubaan, persediaan, persubahatan dan komplot boleh dihukum sebagai kesalahan.

14J. (1) Mana-mana orang yang —

(a) cuba melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta ini;

(b) melakukan sebarang perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan atau bagi membantu untuk melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta ini; atau

(c) bersubahat atau terlibat dalam suatu komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 120A dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggah 22)) sebarang kesalahan di bawah Akta ini, sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan akibat dari komplot tersebut,

adalah melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Sebarang peruntukan Akta ini yang mengandungi sebutan kepada suatu kesalahan di bawah sebarang peruntukan tertentu Akta ini hendaklah dibaca sebagai termasuk sebutan kepada suatu kesalahan di bawah ceraian (1) berkenaan dengan kesalahan di bawah peruntukan tertentu itu.

Penyampaian notis dll.

14K. Tanpa menjejaskan ceraian (3) bab 14G dan ceraian (2) bab 14H, sebarang notis atau perintah yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah Akta ini boleh —

(a) diserahkan sendiri kepada orang itu;

(b) ditinggalkan di tempat kediaman atau tempat perniagaan orang itu; atau

(c) dikirimkan melalui pos berdaftar kepada tempat kediaman atau tempat perniagaan orang itu yang terakhir diketahui.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh perkongsian dan syarikat.

14L. (1) Jika suatu perkongsian melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, tiap-tiap rakan kongsi, selain dari rakan kongsi yang terbukti tidak tahu atau telah cuba mengelakkan kesalahan itu dari dilakukan, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan oleh suatu syarikat terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang kecuaiian di pihak, pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa syarikat itu, atau seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia, dan juga syarikat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(3) Berkenaan dengan suatu syarikat yang urusannya diurus oleh ahli-ahlinya, "pengarah", dalam ceraian (2), bermakna mana-mana ahli syarikat itu.

Kesalahan-kesalahan hendaklah menjadi kesalahan boleh tangkap.

14M. Tiap-tiap kesalahan di bawah Akta ini hendaklah menjadi suatu kesalahan boleh tangkap bagi maksud undang-undang berkenaan prosedur jenayah.

Pengecualian.

14N. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan mana-mana orang atau golongan kategori atau perihalan orang dari sebarang peruntukan Akta ini."

Pindaan bab 15.

6. Bab 15 dari Akta tersebut adalah dipinda dengan memotong "hukuman penjara selama 3 tahun dan denda sebanyak \$80,000" dari dua baris terakhir dan menggantikannya dengan "suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 10 tahun atau kedua-duanya sekali".

Diperbuat pada hari ini 13 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1423 bersamaan dengan 27 haribulan Mac, 2002 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM